

TEKS UCAPAN YANG DIPERTUA MPSP

MAJLIS PELANCARAN PROJEK PENGINDAHAN

JALAN SONG BAN KHENG

BERTEMPAT DI PERSIMPANGAN TAMAN SRI RAMBAI

31 JULAI 2015 (JUMAAT), 10:00 PAGI

Yang Berhormat Tuan Sim Chee Keong

Ahli Parlimen Bukit Mertajam

Yang Berhormat Puan Chong Eng

Ahli MMK Kerajaan Negeri Pulau Pinang merangkap

Pengerusi Jawatankuasa Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti

ADUN Padang Lalang

Yang Berhormat Ahli Majlis-Ahli Majlis

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Berusaha Tuan Sr Hj Rozali bin Hj Mohamud

Tuan Setiausaha Perbandaran, Majlis Perbandaran Seberang Perai

Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Para Wartawan

Tuan-Tuan, Puan-Puan hadirin yang dihormati sekalian,

Assalamualaikum Warahmatullahhi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ribuan terima kasih YB Tuan Sim Chee Keong dan YB Puan Chong Eng kerana dapat bersama-sama pada pagi ini untuk aktiviti penanaman pokok bagi tujuan mengindahkan Jalan Song Ban Kheng.

Untuk makluman Yang Berhormat dan hadirin sekalian,

Program penanaman pokok teduhan pada pagi, jenis pokok adalah dari spesis *Enterolobium saman* (Hujan-Hujan). Pokok ini juga turut dikenali sebagai pokok Pukul Lima dan ia adalah sesuai untuk ditanam di bahu-bahu jalan. Jarak antara pokok yang ditanam adalah 15.00 meter.

Sebanyak 11 batang pokok Hujan-Hujan akan ditanam di bahu Jalan Song Ban Kheng dalam fasa pertama ini. MPSP akan melaksanakan kerja-kerja penanaman tambahan pokok teduhan ini di sepanjang Jalan Song Ban Kheng pada masa akan datang bagi mewujudkan persekitaran yang lebih hijau dan lebih bersih.

Pokok teduhan ini mempunyai kadar tumbesaran yang mampu mencapai ketinggian melebihi 30 meter dengan buaan naungan/kanopi (*crown width*) yang mampu mencapai 20-30 meter. Karakter yang sedemikian dilihat mampu memberi kesan *micro-climate* yang lebih hijau dan selesa kepada pengguna-pengguna Jalan Song Ban Kheng di samping membentuk naungan / kanopi yang dapat memberi kesan teduhan yang baik kepada kawasan persekitaran.

Terdahulu kawasan ini mempunyai banyak pokok-pokok dari jenis spesis ini, namun untuk memberi laluan kepada pembinaan infrastruktur serta kemudahan jaringan jalanraya, pokok-pokok jenis ini terpaksa ditebang. Walaubagaimanapun, melalui kerjasama MPSP dengan Y.B. Tuan Sim Chee Keong, Ahli Parlimen Bukit Mertajam, kita menanam semula pokok dengan spesis yang sama seperti dahulu. Program penanaman ini bertujuan bagi memelihara dan memulihkan semula persekitaran hijau di sepanjang jalan ini selaras dengan kempen Kerajaan Negeri dalam mewujudkan Seberang Perai yang Lebih Bersih, Lebih Hijau, Lebih Selamat dan Lebih Sihat.

Untuk makluman semua,

Sejak tahun 2011 sehingga Jun 2015, jumlah pokok yang ditanam oleh MPSP dan pemaju adalah seperti berikut:

| Tahun | Jumlah Pokok ditanam oleh MPSP | Jumlah Pokok ditanam oleh Pemaju | Jumlah Keseluruhan |
|------------------|--------------------------------------|--|-------------------------------|
| 2011 | 740 | 3120 | 3,860 |
| 2012 | 853 | 2988 | 3,841 |
| 2013 | 983 | 3905 | 4,888 |
| 2014 | 867 | 7634 | 8,501 |
| Jan- Jun 2015 | 365 | 2448 | 2,813 |

Saya amat berharap aktiviti menanam pokok akan menjadi pendorong kepada kita untuk menjalankan lebih banyak aktiviti-aktiviti mesra alam yang lain pada masa akan datang. Ini kerana penanaman pokok-pokok yang teduh bukan sahaja memberikan suasana persekitaran yang sejuk dan nyaman, malah berfungsi untuk menstabilkan suhu persekitaran. Penanaman pokok juga dapat mengurangkan kesan pemanasan global melalui penyerapan karbon dioksida. Inisiatif sedemikian akan

menyumbangkan kepada usaha-usaha sejagat dalam pengurangan kesan pemanasan global.

Dengan itu saya sekian ucapan saya dengan Wabillahitaufik Walhidayah
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.